S/K.KEW/PK/KP/1100/050100/57/876 Jld. 4(Sj.7)(1)

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 6 TAHUN 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

KONTRAK SISTEM PANEL BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PENGIRIMAN TILAM DAN BANTAL JENIS 'HIGH RESILIENT FOAM' DI SEMENANJUNG MALAYSIA

TUJUAN

1. Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (**PKP**) ini bertujuan memaklumkan mengenai Kontrak Sistem Panel bagi perolehan bekalan dan pengiriman Tilam Dan Bantal jenis 'High Resilient Foam' kepada semua Agensi Kerajaan di seluruh Semenanjung Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju agar item Tilam Dan Bantal jenis 'High Resilient Foam' diuruskan melalui Kontrak Sistem Panel. Agensi Kerajaan hendaklah memperoleh item Tilam Dan Bantal jenis 'High Resilient Foam' hanya di kalangan syarikat panel pembekal yang dilantik.

3. Kriteria pelantikan syarikat panel pembekal adalah seperti berikut:-

i. Syarikat kekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan sebagai pembuat dalam kod bidang 020199 (Perabot dan Kelengkapan);

ii. Syarikat bertaraf Bumiputera sepanjang tempoh Kontrak Pusat Sistem Panel ini berkuat kuasa; dan

iii. Produk mempunyai sijil perakuan daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau IKRAM QA Services Sdn. Bhd, mana yang berkaitan.

TEMPOH KONTRAK

4. Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk melantik tujuh (7) syarikat panel pembekal untuk tempoh dua (2) tahun mulai **1 Jun 2011 sehingga 31 Mei 2013**. Selepas tempoh tersebut, Kerajaan berhak untuk mengekalkan atau menggugurkan item Tilam Dan Bantal jenis 'High Resilient Foam' daripada Pusat Sistem Panel.

MAKLUMAT SYARIKAT PANEL PEMBEKAL

5. Maklumat syarikat panel pembekal adalah seperti berikut:-

Bil.	Syarikat	Alamat	Perincian Bank
1.	A-Winn Corporation Sdn. Bhd.	D-08-2, Plaza Kelana Jaya Jalan SS7/13A **47301 Petaling Jaya** Selangor No. Tel : 03-7877 8151 No. Faks : 03-7875 6914 E-mel : awinadmin@gmail.com	HSBC Bank Malaysia Berhad No. 2, Lebuh Ampang Kuala Lumpur No. Akaun Bank: 201-610177-101
2.	Desiran Jaya Sdn. Bhd.	No. 13&15, Jalan Kantan 2G Perindustrian Kantan, Bukit Beruntung **48300 Rawang** Selangor No. Tel : 03-6021 2553 No. Faks : 03-6021 2557	Ambank (M) Sdn. Bhd. Lot 1&1A, Jalan Memanda 7 Ampang Point Batu 4 ½ **68000, Ampang** Selangor No. Akaun Bank: 075-201-200184-1

3.	Pointray (M) Sdn. Bhd.	No. 6-2, Jalan 8/23E Taman Danau Kota **53300 Setapak** Kuala Lumpur No. Tel : 03-6186 8258 03-6186 6629 No. Faks : 03-6186 6449 E-mel : info.pointray@gmail.com	CIMB Bank Berhad 108 Jalan 2/23A Taman Danau Kota Jalan Genting Klang **53300 Kuala Lumpur** No. Akaun Bank: 1438-0001746-053
4.	Tenaga Teguh Manufacturing Sdn. Bhd.	Lot 17-20 & 21 (Yellow Block) Bersatu Industrial Park,Jalan Satu Kawasan Perusahaan Cheras Jaya **43200 Balakong** Selangor No. Tel : 03-9074 7514 03-9074 7516 No. Faks : 03-9074 7513 E-mel : tteguh@streamyx.com	CIMB Bank Berhad No. 9 Jalan Tun Aziz Lim Tan **43000 Kajang** Selangor No. Akaun Bank: 1219-001004705-1
5.	Kabimas Manufacturing Sdn. Bhd.	No. 21 & 23 Jalan Bulan U5/9 Seksyen U5, Subang 2 **40170 Shah Alam** Selangor No. Tel : 03-7845 6000 No. Faks : 03-7846 1644 E-mel : info@kabimas.com.my	Affin Bank Berhad Cawangan Kelana jaya 101, Block C Menara Glomac Kelana Business Centre No. 97, Jalan SS 7/2 **47301 Kelana Jaya** Selangor No. Akaun Bank: 100980018782
6.	Resilent Foam Industry Sdn. Bhd.	No. 159, Jalan Melati Felcra Bhd. Bandar Seberang Perak **36800 Kampung Gajah** Perak No. Tel : 05-655 1082 No. Faks : 05-655 3942 E-mel : rfi_company@yahoo.com.my	Bank Islam Malaysia Berhad Cawangan Teluk Intan No. 5002 Blok A, Kompleks SKOM Jalan Mahkamah **36000 Teluk Intan** Perak No. Akaun Bank: 08031010027740
7.	Tilam Sutera (M) Sdn. Bhd.	No.57-3, Jalan Sulaiman 3 Taman Putra Sulaiman **68000 Ampang** Selangor No. Tel : 03-4270 6630 No. Faks : 03-4270 6680	Affin Bank Berhad 11&11A Jalan Memanda 7/1 Ampang Jaya Branch **68000 Ampang** Selangor No. Akaun Bank: 100300013150

6. Syarikat Panel adalah diwajibkan mengemukakan laporan seperti di ***Lampiran A*** ke Kementerian Kewangan untuk setiap suku tahun sebelum 15 haribulan berikutnya sebagai memenuhi keperluan Kontrak Pusat Sistem Panel ini. Kementerian Kewangan berhak menggugurkan syarikat daripada Kontrak Sistem Panel jika gagal berbuat demikian.

KAEDAH PEROLEHAN

7. Perolehan bagi item Tilam Dan Bantal jenis 'High Resilient Foam' hendaklah diuruskan sendiri oleh setiap agensi di kalangan tujuh (7) syarikat panel pembekal. Tatacara bagi perolehan ditetapkan seperti berikut:-

i. Perolehan bernilai sehingga RM50,000 setahun diuruskan secara pembelian terus hanya dengan mana-mana syarikat panel pembekal yang dilantik;

ii. Perolehan melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 setahun hendaklah diuruskan melalui kaedah sebut harga di kalangan syarikat panel pembekal yang dilantik. Pemilihan syarikat panel pembekal yang berjaya hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Agensi;

iii. Perolehan melebihi RM500,000 setahun hendaklah diuruskan melalui sebut harga di kalangan syarikat panel pembekal yang dilantik. Pemilihan syarikat panel pembekal yang berjaya hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Agensi; dan

iv. Kontrak formal hendaklah ditandatangani bagi kontrak yang bernilai melebihi RM50,000.00 selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1.

PELAKSANAAN PEROLEHAN SECARA *eBIDDING*

8. Agensi Kerajaan adalah digalakkan untuk membuat perolehan secara e*Bidding*, selaras dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

9. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memastikan agensi di bawah kawalannya mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan dalam menguruskan perolehan ini. Agensi tidak dibenarkan memperolehi daripada punca lain tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut mana yang berkenaan.

HAL-HAL LAIN

10. Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi syarikat panel pembekal yang kurang memuaskan, jika ada, ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan seperti alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Bahagian Perolehan Kerajaan
(Seksyen Bekalan Dan Perkhidmatan)
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

11. Sebarang pertanyaan mengenai PKP ini juga boleh dirujuk kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan di talian telefon 03-8882 4092 atau 8882 3239.

KUAT KUASA

12. PKP ini berkuat kuasa mulai 1 Jun 2011 sehingga 31 Mei 2013. Dengan berkuat kuasanya PKP ini, PKP Bil. 7 Tahun 2009 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(DATO' FAUZIAH YAACOB)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Bertarikh : 8 Jun 2011

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri